

02/09/1998

Ringgit selamat daripada jadi barang dagangan: MB

MUAR, Selasa - Keputusan kerajaan menghentikan dagangan ringgit Malaysia (RM) adalah keputusan radikal yang wajar walaupun mendahului dunia dalam menangani serangan spekulator mata wang.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, tindakan kerajaan itu menyelamatkan RM daripada terus menjadi barang dagangan di luar persisiran Malaysia yang terdedah kepada sasaran spekulator.

Beliau yang pernah menjawat Timbalan Menteri Kewangan berkata, serentak dengan keputusan itu, semua RM yang berada di luar negara ini, kini perlu dibawa balik segera atau menjadi tidak bernilai selepas tempoh yang ditetapkan.

"Saya yakin terhadap keputusan kerajaan ini, walaupun radikal tetapi ia tepat pada masa serta mendahului peringkat dunia untuk atasi masalah yang ada pada hari ini.

"Pada hari ini, kita terdedah kepada perniagaan mata wang yang sudah tidak ada cara untuk mengawasinya kerana masyarakat dunia masih teragak-agak untuk berbuat demikian," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menghadiri sesi Taklimat Suku Tahun Kedua Pelan Tindakan Belanjawan Negeri Johor dengan semua ketua jabatan kerajaan Johor di sini, petang ini.

Sebelum taklimat berlangsung, kira-kira 250 pesertanya mengikuti sebahagian Program Bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerusi televisyen berhubung tindakan menghentikan dagangan RM.

Abdul Ghani berkata, tindakan mengasingkan RM dalam konteks ekonomi tempatan dengan RM yang tiada nilai di luar ekonomi adalah cara yang radikal tetapi perlu dari segi masa dan keperluan ekonomi tempatan.

Katanya, negara kini mempunyai ruang yang lebih mudah untuk mewujudkan dasar kadar faedah mengikut keperluan ekonomi tempatan berbanding sebelum ini yang saling berkait dengan kadar tukaran asing.

"Tindakan kerajaan menetapkan kadar tukaran asing ini juga akan memisahkannya daripada kadar faedah. Ini membolehkan ia tidak lagi saling berkait antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata, tindakan itu juga akan memastikan RM yang tersimpan di luar negara sebanyak RM100 juta tunai dan RM25 bilion yang disimpan dalam bank di luar negara perlu dibawa balik dengan segera ke negara ini.

Katanya, keputusan itu tidak menimbulkan banyak masalah kepada rakyat yang bekerja di luar negara terutama lebih 10,000 penduduk Johor yang berulang alik setiap hari untuk bekerja di Singapura.

"Rakyat Malaysia yang kerja di Singapura tidak perlu bimbang, kalau dapat upah dalam bentuk dolar Singapura atau Amerika, mereka hanya kena tukar dan beli RM. Cuma mereka tidak boleh membawa RM keluar dari bank tempatan sama ada untuk disimpan atau diniagakan.

"Hal itu tidak menjadi isu. Persoalan kini ialah RM yang disimpan di Singapura yang dikatakan mencapai RM17 bilion. Apakah tujuan simpanan berkenaan, adakah ia untuk diniagakan," katanya.

(END)